

Muka cedera diserang anjing

Wanita tunggang motor terjatuh dikejar kumpulan haiwan

>>Oleh Ravale Savarinathan
am@hmetro.com.my

TELUK INTAN: Seorang wanita cedera di muka selepas mendakwa diserang sekumpulan lima anjing liar ketika menunggang motosikal dalam perjalanan ke tempat kerja, semalam.

Dalam kejadian jam 6.45 pagi, mangsa, Norul Janna Kamaruzaman, 30, dikatakan dikejar kumpulan haiwan liar itu ketika melalui jalan antara Rungkup menuju Hutan Melintang, di sini.

Mangsa yang ditemui di Hospital Teluk Intan (HTI) di sini, berkata, ketika kejadian dia menunggang motosikal bersendirian dalam keadaan persekitaran yang gelap.

"Pada mulanya, saya terserempak dengan sekumpulan anjing liar berkumpul di tepi jalan sebelum haiwan itu tiba-tiba meluru dan mengejar saya.

"Dalam keadaan panik, saya cuba menyelamatkan diri, tetapi ia sempat menggigit kaki menyebabkan saya hilangimbangan lalu terjatuh," katanya.

Menurutnya, hentakan kuat kepalanya di atas jalan



LUKA...Norul Janna cedera di muka selepas diserang anjing liar, semalam.

menyebabkannya terus tidak sedarkan diri dan terseret beberapa meter.

"Saya langsung tidak tahu

apa yang berlaku selepas itu. Saya hanya tersedar selepas berada di wad HTI, tengah hari semalam.

"Muka saya penuh kesan luka terutama di dagu, pipi dan mulut. Saya tidak pasti sama ada ia kesan jatuh atau diserang anjing liar itu," katanya.

Dia yang tinggal bersama bapanya di Simpang Empat, Rungkup, di sini, bersyukur kerana kejadian itu tidak meragut nyawanya.

"Saya tidak dapat bayangkan jika dirempuh lori atau kereta selepas terjatuh akibat diserang anjing liar itu. Saya akan lebih berhati-hati melalui jalan berkenaan selepas ini," katanya.

Sementara itu, bapa mangsa, Kamaruzaman Samsuddin, 50, berkata, dia kesal dengan kejadian itu yang disifatkan berbahaya dan boleh mengundang bahaya lebih besar.

"Memang banyak anjing liar berkeliaran di sepanjang laluan dari Rungkup ke Hutan Melintang. Namun, tidak sangka ia boleh mendatangkan bahaya kepada manusia.

"Saya berharap Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau pihak berkuasa tempatan dapat mengambil tindakan segera supaya kejadian sama tidak berulang kepada individu lain," katanya.